

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9156

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah diambil Kerajaan untuk membendung penularan kumpulan ekstremis agama untuk merekrut rakyat negara ini menyertai kumpulan militan seperti IS dan DAESH.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa langkah inisiatif dalam membendung penyebaran pengaruh dan ideologi yang dibawa oleh kumpulan-kumpulan *militan Islamic State (IS)* ini. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan komprehensif.

Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti kerjasama di antara Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui program penerangan seperti ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium. Semua program dan aktiviti tersebut disasarkan kepada golongan-golongan tertentu terutamanya anak-anak muda bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstremis yang menjurus ke arah kegiatan militan ini. Selain itu juga, program-program penerangan mengenai ancaman ideologi militan ini turut disasarkan kepada penjawat awam dan swasta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan umur.

Kerajaan juga sedar bahawa media sosial sering digunakan sebagai medium oleh pengikut-pengikut kumpulan pengganas terutamanya oleh militan Daesh dalam penyebaran fahaman dan merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap laman-laman web seperti *facebook* yang terlibat dengan kegiatan penyebaran fahaman kumpulan militan IS ini termasuklah dengan “menyekat” aksesnya daripada umum sama ada dari dalam atau luar negara.

Selain daripada itu, dalam hal ini Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia turut mengadakan kerjasama dengan negara luar. Antaranya adalah melalui perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan antarabangsa khususnya dengan negara-negara ASEAN. Ini kerana hasil daripada perkongsian

maklumat tersebut akan digunakan oleh pihak polis untuk membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.

Pada masa yang sama, nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi akan dipanjangkan kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara. Tapisan keselamatan ini juga digunakan dalam menapis kemasukan pensyarah-pensyarah dan penceramah-penceramah daripada luar negara.

Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

PDRM turut mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa agama Islam untuk memfatwakan sesuatu ajaran atau kumpulan yang ditaksir bukan sahaja mengamalkan ajaran sesat, malah berpotensi untuk mengancam keselamatan negara. Selain itu, menjalankan operasi tangkapan bersepadu bersama Jabatan Agama Islam dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Peranan melindungi keselamatan negara yang dimainkan oleh pihak penguatkuasa sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan negara di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat Senator serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B DATO' DR. TAN KEE KWONG**
TARIKH : **26.5.2016**
SOALAN : **NO. 46**

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani tekanan hidup mahasiswa yang terus menekan akibat kos sara hidup yang semakin tinggi dan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal Dasar Pendidikan Tinggi dengan menghapuskan yuran akademik dan yuran tuisyen secara berperingkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban mahasiswa seperti Baucar Buku 1Malaysia, Kad Siswa, zakat, tabung kebajikan, biasiswa dan pinjaman. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi turut menyediakan 22 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Di samping itu, pihak Universiti Awam (UA) masing-masing ada menyediakan bantuan/program seperti makanan percuma, Bantuan Sara Hidup, Tabung Wang Ehsan, Insurans Berkelompok Pelajar Tempatan dan sumbangan derma kepada mahasiswa. Sekiranya terdapat mahasiswa yang memerlukan bantuan, mereka boleh tampil ke pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) untuk membuat laporan dan permohonan. Di UA juga menyediakan tabung kebajikan dan dana sedia ada mencukupi untuk membantu mahasiswa. Premis-premis yang beroperasi turut menawarkan peluang pekerjaan dan UA disarankan untuk meningkatkan kemahiran mahasiswa bagi menangani masalah. Misalnya, pada tahun 2015, seramai 6,813 mahasiswa bekerja sambilan/sementara dalam kampus UA untuk menampung kos sara hidup serta menimba pengalaman pekerjaan.

Kadar yuran yang dikenakan adalah tidak membebankan mahasiswa kerana Kerajaan telah memberikan subsidi sebanyak 90% ke atas yuran pengajian di UA.